

**UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI KAKITANGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA BERHAD**

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang Kecil Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi MARA Berhad dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh **Suruhanjaya**.

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**anggota**” termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang ditakrif di bawah seksyen 2 Akta; Koperasi 1993.

“**arahan**” ertinya arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa.

“**aturan-aturan**” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, undang-undang kecil dan kelulusan mesyuarat agung perwakilan;

“**dividen**” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggotanya mengikut kadar modal syer atau modal yuran yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**elaun**” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga atau seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmat-khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap,

“**garis panduan**” ertinya garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada koperasi dari semasa ke semasa.

“**honorarium**” ertinya satu bahagian keuntungan bersih teraudit koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saran, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**kawasan operasi**” ertinya kawasan dimana koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Peraturan;

“**kesalahan boleh daftar**” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-penjenayah dan Orang-orang Tak Diingini 1969 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“**Koperasi**” atau “Koperasi ini” ertinya Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi MARA Berhad.

“**Lembaga**” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal ehwal

Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2, Akta Koperasi 1993;

“**Menteri**” ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab pembangunan koperasi sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993

“**pegawai**” berhubung dengan koperasi ertinya pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha kehormat, bendahari kehormat atau mana-mana anggota lain Lembaga dan termasuk mana-mana orang lain yang diberikuasa oleh Lembaga, peraturan-peraturan atau perintah undang-undang kecil ini untuk memberikan arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini atau mana-mana perkeja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**perlantikan**” termasuklah apa-apa perlantikan atau perlantikan semula sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Pengerusi Eksekutif**” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Peraturan**” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**perwakilan**” ertinya wakil anggota-anggota individu yang dipilih di mesyuarat peringkat kawasan anggota-anggota Koperasi ini bagi menghadiri mesyuarat agung perwakilan seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

“**mesyuarat agung**” ertinya mesyuarat agung perwakilan yang diadakan oleh Koperasi dari masa ke semasa;

“**mesyuarat agung kampus**” ertinya mesyuarat anggota-anggota diperingkat induk dan kampus;

“**mesyuarat agung perwakilan**” ertinya perhimpunan wakil-wakil yang dilantik oleh anggota-anggota bagi maksud mengendalikan perjalanan Koperasi;

“**wakil tetap**” ertinya anggota yang berkhidmat di kampus cawangan yang dipilih oleh anggota kampus berkenaan dalam mesyuarat agung kampus bagi membantu tugas pentadbiran yang diarahkan oleh Lembaga.

“**deposit**” ertinya wang yang didepositkan oleh mana-mana orang dengan Koperasi ini dalam satu akaun tetap atau akaun tabungan atau akaun deposit yang lain tetapi tidak termasuk syer atau yuran atau simpanan khas, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**potongan langganan**” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggota-anggota mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperolehi sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

“**prinsip koperasi**” termasuklah :-

- a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- b) pengurusan yang demokratik;
- c) penglibatan ekonomi oleh anggota-anggota;
- d) autonomi dan kebebasan;
- e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- f) kerjasama antara koperasi; dan
- g) mengambil berat terhadap masyarakat. sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

“**pulangan**” termasuklah apa-apa sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk fi atau hadiah, kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusan niaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**sabitan**” termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**simpanan khas**” ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang didepositkan itu untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah peraturan-peraturan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**subsidiari**” ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu; sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Suruhanjaya**” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**syer**” ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Tribunal Koperasi**” ertinya Tribunal Koperasi yang ditubuhkan menurut seksyen 83 Akta Koperasi 1993;

“**undang-undang kecil**” ertinya undang-undang kecil berdaftar yang dibuat oleh koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar undang-undang kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**wang berlebihan**” ertinya tertakluk kepada peraturan-peraturan wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaannya sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

“**yuran**” ertinya jumlah wang yang disumbangkan pada lat-lat masa yang tetap oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini dan tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil atau apabila tamat keanggotaannya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

“**deposit**” ertinya wang yang didepositkan oleh mana-mana orang dengan Koperasi ini dalam satu akaun tetap atau akaun tabungan atau akaun deposit yang lain tetapi tidak termasuk syer atau yuran atau simpanan khas, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal dan jamak, perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

Perubahan dari segi nahu, jenis, jantina dan bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis takfir itu hendaklah diperluas kepada segala perubahan-perubahan nahu dan perbahasan-perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.
- (2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.
- (3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi MARA Berhad.

Alamat

5. (1) ***Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah No. B13 Jalan Lazuardi 29/7, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.***
- (2) ***Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subperaturan 47(2) Peraturan.***

Kawasan Operasi

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah di seluruh Malaysia.

BAHAGIAN III

MATLAMAT, TUJUAN DAN AKTIVITI

Matlamat

7. Menurut subseksyen 4(1) Akta matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Fungsi

8. Fungsi utama Koperasi ini ialah menjalankan aktiviti kredit.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khususnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan
 - a) Menjalankan aktiviti berikut :

- (i) Mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota-anggota menyimpan sebahagian pendapatan dan memberi pinjaman kepada mereka itu bagi maksud yang berfedah dan mendatangkan keuntungan;
 - (ii) Menjalankan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perdagangan termasuk fungsi-fungsi pengguna;
 - (iii) Menjalankan perkhidmatan kenderaan, menguruskan khidmat pelancongan dan rekreasi;
 - (iv) Menjalankan aktiviti pajak gadai islam atau Ar-Rahnu;
- b) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
 - c) membeli, menjual, memindah hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
 - d) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
 - e) mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya ; dan
 - f) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.
- (2) Bagi menjayakan aktiviti di bawah fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan;
- a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota dan
 - b) deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2) dan seksyen 52A Akta dan Peraturan
- (3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1) itu, Lembaga hendaklah membuat aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.
- (4) Bagi melaksanakan skim berhubung dengan simpanan khas, deposit atau pinjaman, menurut peraturan 32 Peraturan-Peraturan Koperasi, Lembaga hendaklah:
- a) menyediakan suratcara berasingan yang menyatakan dengan jelas terma dan syarat-syarat bagi skim tersebut;
 - b) mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat agung perwakilan untuk kelulusan; dan
 - c) mengemukakan satu salinan suratcara yang diluluskan itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan itu.
- (5) Walau apa pun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV

KEANGGOTAAN

Anggota

10. Anggota-anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan untuk mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

Kelayakan menjadi anggota

11. (1) a) staf Universiti Teknologi MARA yang bergaji tetap dan mempunyai budi pekerti yang baik; dan
- (b) staf Koperasi Universiti Teknologi Mara Berhad termasuk juga kakitangan didalam subsidiarinya yang telah disahkan jawatan ; dan
- (c) Kakitangan Universiti Teknologi MARA yang memilih untuk berkhidmat dengan bahagian-bahagian yang diswastakan oleh Universiti Teknologi MARA.
- (2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah:-
- (a) warganegara Malaysia;
- (b) telah mencapai umur lapan belas (18) tahun ;
- (c) bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi Koperasi ini ; dan
- (d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar, atau tidak upaya dari segi mental, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana Koperasi dalam tempoh satu tahun;

Permohonan Menjadi Anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha koperasi atau pegawai yang dipertanggungjawabkan.

Fi Masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM10.00 (Ringgit Malaysia: sepuluh ringgit). Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.
- (2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh ringgit).
- (3) **Penama atau wakil yang sah menurut seksyen 24 Akta kepada anggota yang mati, jika layak menurut undang-undang kecil 11(1) dan memohon untuk menjadi anggota dalam masa tiga bulan selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fi masuk.**
- (4) Semua fi masuk akan dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

Ikrar Anggota

14. (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah diminta menandatangani suatu ikrar bahawa dia:-
- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan-aturan aktiviti yang sedia ada seta apa-apa pindaan;
 - (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;
 - (c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
 - (d) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu (1) tahun.
 - (e) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu (1) tahun.
- (2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.
- (3) Seseorang yang telah menjadi anggota dengan sebab turut sama dalam permohonan bagi pendaftaran Koperasi ini dan mereka yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi ini, dikehendaki menandatangani ikrar seperti fasal (1) dalam tempoh empat puluh lima (45) hari selepas diterima perakuan pendaftaran Koperasi. Kegagalan menandatangani ikrar tersebut boleh menyebabkan dia dipecat.

Penerimaan Menjadi Anggota

15. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis tidak lewat daripada tiga puluh hari (30) selepas penerimaannya itu.

Perolehan Hak, Kewajipan dan liability Anggota

16. Menurut sesyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM100.00 (Ringgit Malaysia: seratus ringgit) syer, dan apa-apa bayaran wajar bolehlah melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

Pemberian Undang-undang Kecil

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu (1) naskah undang-undang kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran sebanyak RM10.00 (Ringgit Malaysia: sepuluh ringgit) tiap-tiap satu.

Penama

18. (1) Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah menamakan seorang wakil di sisi undang-undang untuk menerima setelah dia meninggal dunia, wang yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris yang berhak mengikut hukum Islam.
- (2) Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah menamakan seorang atau lebih dari seorang penama

- (3) Anggota boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada mengenai penamaan itu.
- (4) Penamaan hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini, di hadapan sekurang-kurangnya dua saksi yang mengakusaksikan perkara yang sama.
- (5) Tertakluk kepada undang-undang kecil 11, seseorang penama boleh diterima menjadi anggota dan penama yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota.

Liabiliti Anggota

19. (1) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhadap kepada jumlah syer atau yuran yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.
- (2) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua (2) tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti menurut subseksyen 35(1) Akta.
- (3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati tidak bertanggung bagi hutang Koperasi ini, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi dua (2) tahun dari tarikh kematian itu menurut subseksyen 35(2) Akta.
- (4) Harta pusaka yang dimaksudkan di fasal (3) adalah syer dan yuran dalam Koperasi ini.

Hilang Kelayakan Anggota

20. Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam masa menjadi anggota, dia:
 - a) tidak dari segi mental;
 - b) seorang bankrap yang belum dilepaskan;
 - c) seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar;
 - d) telah dibuang daripada menjadi anggota dibawah Akta ini dan suatu tempoh selama satu (1) tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu; atau
 - e) tidak lagi bermastautin atau memiliki tanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi

Terhenti Menjadi Anggota

21. (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:
 - a) mati;
 - b) menarik diri mengikut undang-undang kecil 22; atau
 - c) dibuang mengikut undang-undang kecil 23
 - d) tamat perkhidmatan dengan Universiti Teknologi MARA.

- (2) Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang;
 - a) didapati membuat ikrar palsu dibawah undang-undang kecil 14;
 - b) hilang kelayakan sebagai anggota di bawah undang-undang kecil 20;
 - c) terhenti keanggotaannya di bawah perenggan (c) fasal (1)
 - d) gagal menjelaskan syer minimum mengikut undang-undang kecil 55; atau
 - e) gagal menjelaskan yuran dan apa-apa bayaran lain tiga (3) bulan berturut-turut dengan tiada kebenaran Lembaga mengikut undang-undang kecil 55;

Menarik Diri

22. (1) (a) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis duabelas (12) bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab-sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam masa yang singkat.
 - (b) Penarikan diri boleh dibuat sekurang-kurangnya setelah dua belas (12) bulan disahkan keanggotaannya.
- (2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.
- (3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

Penggantungan dan Pembuangan Anggota

23. (1) Seseorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan bolehlah digantung keanggotaannya.
 - (a) merujuk pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
 - (b) membuat kenyataan negatif dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
 - (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;
 - (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau
 - (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu.
- (2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan seseorang anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota yang berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya dan diberi peluang tidak kurang dari tiga puluh (30) hari untuk menyatakan sebab mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.

- (3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan yang terawal dan dijadikan sebagai agenda pertama, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.
- (4) Sebelum mengesahkan atau mengetepikan penggantungan itu, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mendengar penjelasan anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung perwakilan dengan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir membuat keputusan membuangnyanya.
- (5) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung perwakilan, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajiban sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung perwakilan.

Penyelesaian wang anggota

24. (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini di bawah undang-undang kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah:-
 - (a) sekiranya dia ditamatkan keanggotaannya, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
 - (b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau tiada pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
 - (c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah mengikut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas enam (6) bulan dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau telah tidak dilantik;
 - (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis; dan
 - (e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi, dikembalikan kepadanya dengan sewajarnya.
- (2) Penyelesaian mengenai syer-syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 57 dan 58.

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat agung perwakilan

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan undang-undang kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak kepada mesyuarat agung perwakilan mengikut seksyen 36 Akta, yang padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.
- (2) Mesyuarat agung perwakilan hendaklah terbahagi kepada dua jenis, iaitu mesyuarat agung perwakilan tahunan dan mesyuarat agung perwakilan khas.

Pemilihan perwakilan dan urusan mesyuarat agung kawasan

26. (1) Menurut seksyen 27 Akta, Lembaga boleh menentukan kawasan-kawasan mesyuarat dan memanggil satu mesyuarat agung di tiap-tiap kawasan setiap dua tahun sekali untuk memilih perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan. Setiap kawasan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima puluh orang anggota.
- (2) Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu kawasan hendaklah mengikut nisbah anggota seperti berikut:-
- (a) bagi tiap-tiap lima puluh orang anggota yang pertama seorang perwakilan;
 - (b) tiap-tiap tambahan lima puluh orang anggota berikutnya seorang perwakilan; dan
 - (c) jumlah perwakilan bagi sesuatu kawasan hendaklah tidak melebihi lima puluh orang.
- (3) Notis bagi mesyuarat agung kawasan hendaklah:-
- (a) diberi kepada anggota layak dan tinggal dalam satu kawasan tidak kurang lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung kawasan itu;
 - (b) menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat; dan
 - (c) notis hendaklah disampaikan berasingan melalui pos atau dengan cara lain yang munasabah mengikut keputusan Lembaga kepada tiap-tiap anggota di alamatnya yang terakhir didaftarkan di pejabat Koperasi ini atau disiarkan di dalam satu atau lebih media massa.
- (4) Hanya anggota-anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut undang-undang kecil 15 pada tiga bulan sebelum tarikh mesyuarat agung kawasan, berhak menerima notis untuk menghadiri mesyuarat agung kawasan dan berhak mempunyai satu undi dan layak menjadi seorang perwakilan ke sesuatu mesyuarat agung perwakilan.
- (5) Seorang perwakilan akan kekal menjadi perwakilan selagi dia menjadi anggota, sehingga mesyuarat agung kawasan yang akan datang untuk memilih perwakilan-perwakilan baru. Sekiranya perwakilan itu berhenti menjadi anggota atau menarik diri menjadi perwakilan, maka hilanglah hak perwakilan kawasan yang berkenaan.

- (6) Kuoram bagi mengadakan mesyuarat agung kawasan hendaklah satu pertiga anggota atau lima puluh orang daripada jumlah anggota yang layak menerima notis mesyuarat dalam kawasan yang berkenaan itu. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu bilangan anggota-anggota yang hadir belum cukup, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan.
- (7) Lembaga kemudiannya hendaklah memanggil satu mesyuarat lain dengan memberi notis seperti yang diperuntukan di dalam fasal (3) undang-undang kecil ini. Sekiranya dalam masa tiga puluh minit selepas masa yang ditetapkan bagi mesyuarat ini, tidak hadir kuoram yang dikehendaki di bawah fasal ini, maka perwakilan tidaklah boleh dipilih dan hilang hak perwakilan kawasan itu.
- (8) Mesyuarat agung kawasan hendaklah dipengerusikan oleh salah seorang anggota Lembaga yang dilantik oleh pengerusi koperasi. Anggota-anggota yang hadir dalam mesyuarat agung kawasan hendaklah memilih seorang setiausaha untuk merekodkan segala butir-butir mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan setiausaha mesyuarat dan hendaklah dikirimkan kepada lembaga dalam masa tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan.
- (9) Seseorang anggota tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung kawasan.
- (10) Seseorang anggota Lembaga, seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman atau wakil tetap Koperasi Kakitangan UiTM Kampus Cawangan hendaklah dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan. Seseorang anggota Lembaga, seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman atau wakil tetap Koperasi Kakitangan UiTM Kampus Cawangan yang akan mengosongkan jawatan hendaklah tetap menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan untuk memilih penggantinya sehingga tamat mesyuarat itu.
- (11) Menurut Peraturan, mesyuarat agung kawasan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua tahun sekali iaitu satu bulan sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan dan hendaklah menimbangankan perkara-perkara berikut:-
 - (a) akaun teraudit Koperasi, jika tiada, draf akaun;
 - (b) belanjawan tahunan untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan koperasi;
 - (c) cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan aturan-aturan aktiviti koperasi, jika ada;
 - (d) melantik perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan tahunan koperasi; dan
 - (e) usul-usul daripada Lembaga dan anggota Koperasi, jika ada, untuk dikemukakan kepada koperasi tujuh hari sebelum mesyuarat.
- (11A) Dokumen yang akan dibentangkan di bawah fasal (11) boleh disampaikan kepada anggota di dalam bentuk CD atau dimuat turun di dalam laman sesawang Koperasi ini atau melalui apa-apa cara lain yang munasabah.
- (12) Setiap bantahan ke atas perjalanan mesyuarat agung kawasan atau mesyuarat agung perwakilan hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat diadakan dengan mendapat persetujuan bertulis sekurang-kurangnya satu perempat daripada anggota atau perwakilan yang hadir.

Mesyuarat agung perwakilan tahunan

27. Mesyuarat agung perwakilan tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya

Mesyuarat agung perwakilan khas

28. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, dan apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus perwakilan mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung perwakilan khas mengikut subseksyen 40(1) Akta.
- (2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung khas, mengikut cara dan pada masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkara-perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah-kaedah yang sama seperti mesyuarat agung yang dipanggil menurut Akta atau undang-undang kecil ini.

Notis mesyuarat agung perwakilan

29. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan hendaklah diberi kepada perwakilan tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan itu.
- (2) Notis ini hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat dan bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah disertakan:-
- (a) akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya jika ada, yang teraudit;
 - (b) anggaran belanjawan bagi tahun yang akan datang;
 - (c) laporan lembaga
 - (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
 - (e) dokumen-dokumen lain yang berkaitan.
- (3) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan;
- (4) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang mengandungi maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat agung perwakilan yang akan diadakan oleh Koperasi tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu;

Korum mesyuarat agung perwakilan

30. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan bagi apa-apa maksud menurut peraturan 13 Peraturan, hendaklah satu pertiga daripada jumlah perwakilan.
- (2) Kuorum bagi mesyuarat agung perwakilan kerana meminda undang-undang hendaklah dua pertiga daripada jumlah perwakilan, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan.

- (3) Bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas yang di panggil oleh Suruhanjaya menurut fasal (2) undang-undang kecil 28 yang ditunda:
 - (a) kuorum hendaklah tidak kurang daripada dua kali ganda bilangan anggota Lembaga.
 - (a) Keputusan boleh dibuat dengan kelebihan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir dan layak mengundi menurut peraturan.

Undi mesyuarat agung perwakilan

31. (1) Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan pindaan undang-undang kecil hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi perwakilan yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.
- (2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah. Perwakilan yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.
- (3) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 30(1) Akta.

Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung perwakilan khas

32. (1) Jika selepas tiga puluh minit dari waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung perwakilan khas itu bilangan perwakilan yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung itu:
 - (a) dibatalkan, jika dipanggil atau atas rekuisisi perwakilan; atau
 - (b) ditunda, jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta.
- (2) Bagi mesyuarat agung yang ditund menurut perenggan (b) fasal (1) :
 - (a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas (14) hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari ; dan
 - (b) notis penundaan hendaklah diposkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang ditunda. pada mesyuarat tertunda itu.
- (3) Perkara-perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat perwakilan yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara-perkara yang telah dibincangkan itu, notis baru menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 29 hendaklah diberi kepada tiap-tiap perwakilan bagi mesyuarat tertunda itu.

Fungsi mesyuarat agung perwakilan

33. (1) Menurut Peraturan, fungsi mesyuarat agung perwakilan hendaklah termasuk yang berikut:-
 - (a) mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang.
 - (b) menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman
 - (c) menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya jika ada laporan juruaudit;

- (d) memilih anggota-anggota Lembaga;
 - (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
 - (f) meluluskan elaun kepada anggota Lembaga dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi ini, jika ada;
 - (g) meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi;
 - (h) menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan Koperasi;
 - (i) menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
 - (j) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang perwakilan dan empat orang anggota Lembaga termasuk pengerusi untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan;
 - (k) menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan;
 - (l) mengisytiharkan atau menerbitkan syer bonus; jika ada
 - (m) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi ini yang suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
 - (n) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada undang-undang kecil Koperasi, jika ada;
 - (o) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah dikemukakan oleh anggota yang terkilang dengan sesuatu keputusan Lembaga;
 - (p) meluluskan apa-apa perbelanjaan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
 - (q) menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut kehendak Akta dan Peraturan, jika ada.
- (2) Perkara-perkara di dalam perenggan (a), (b), (c), (d) dan (e) fasal (1) hendaklah diputuskan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya, menurut subseksyen 40(2) Akta
- (3) Minit mesyuarat agung perwakilan hendaklah direkodkan dan satu salinan hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya, menurut perenggan 14(1)(b) Akta.
- (4) Mesyuarat agung perwakilan boleh menamatkan perlantikan semua atau mana-mana anggota Lembaga dengan syarat usul secara bertulis telah diterima oleh Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan diadakan. Sebarang usul tergepar tidak dibenarkan.

Pengerusi mesyuarat agung perwakilan

34. (1) Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan adalah Presiden atau semasa ketiadaannya akan di pengerusikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi Lembaga atau anggota lembaga.
- (2) Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat menangguhkan mesyuarat agung perwakilan:
- (a) dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat asal;
 - (b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan
 - (c) menjalankan mesyuarat yang asal sahaja.
 - (d) Notis tidak perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Lembaga Koperasi

35. Lembaga Koperasi hendaklah mengandungi sembilan orang yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan, menurut seksyen 42 Akta dan perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 33.

Kelayakan menjadi anggota Lembaga

36. (1) Tiada seorang pun perwakilan yang layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga jika dia:
- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
 - (b) telah dipecatkan sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
 - (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
 - (d) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini; atau
 - (e) belum genap tempoh dua (2) tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua (2) tahun.
- (2) Walau apa pun fasal (5) undang-undang kecil 18, seorang penama atau wakil yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjaadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.
- (3) Hanya perwakilan yang mempunyai baki perkhidmatan dengan UiTM tidak kurang daripada tiga tahun yang boleh dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan untuk memegang jawatan sebagai anggota Lembaga.

Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga

37. (1) Sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan.
- (2) Aturan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi bergilir-gilir tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

- (3) Perlantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).
- (4) Kekosongan jawatan anggota Lembaga hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana perwakilan yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang.

Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga

38. (1) Seseorang anggota Lembaga akan lucut jawatannya dengan serta-merta jika dia:
 - (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan di bawah Akta atau Peraturan;
 - (b) menerima apa-apa perlantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
 - (c) tidak hadir di dalam mesyuarat tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab-sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu; atau
 - (d) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20.
- (2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika:
 - (a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta atau Peraturan; atau
 - (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini menurut Peraturan.
- (3) Tiap-tiap kes penggantungan di bawah perenggan (b) fasal (2) hendaklah:
 - (a) didengar oleh mesyuarat agung perwakilan yang terawal selepas penggantungan itu;
 - (b) anggota itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung perwakilan;
 - (c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung perwakilan tersebut; dan
 - (d) keputusan penggantungan anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengentepian oleh majoriti anggota perwakilan yang hadir di dalam mesyuarat agung perwakilan itu.

Penamatan Perlantikan Anggota Lembaga

39. (1) Walau apa pun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 37, mesyuarat agung perwakilan mempunyai kuasa menurut Peraturan:-
 - (a) untuk menamatkan perlantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga pada bila-bila masa; dan

- (b) memilih gantinya dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan perlantikan anggota Lembaga hendaklah disampaikan kepada Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan itu diadakan.
- (2) Keputusan untuk menamatkan perlantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung perwakilan itu mendengar penjelasan anggota atau anggota-anggota yang terlibat.

Mesyuarat Lembaga

40. (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah:
- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung perwakilan tahunan; dan
 - (b) Melantik dikalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, timbalan, setiausaha kehormat dan lima orang Juruaudit Dalaman.
- (2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh satu bulan.
- (3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya;
- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
 - (b) Lima orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara yang hendak dibincangkan.
- (4) Keputusan mesyuarat anggota Lembaga adalah sah walaupun:
- (a) ketidakhadiran mana-mana anggota Lembaga;
 - (b) terdapat kecacatan kemudiaanya diketahui dalam perlantikan atau kelayakan mana-mana Lembaga atau pembentukan Lembaga.
 - (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau
 - (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan seorang lembaga.
- (5) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang ke mesyuarat:-
- (a) untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan;
 - (b) orang tersebut tidak boleh mengundi; dan
 - (c) boleh dibayar elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.
- (6) Semasa ketiadaan pengerusi, timbalan tengerusi akan mempengerusikan mesyuarat, sekiranya timbalan pengerusi juga tidak hadir, anggota Lembaga lain yang hadir boleh dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

Undi anggota Lembaga

41. Kuorum bagi mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 35.

Buku minit mesyuarat Lembaga

42. Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:
- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
 - (b) membincangkan perkara-perkara berbangkit;
 - (c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan dimana berkenaan perkara-perkara berikut:
 - (i) keputusan-keputusan mesyuarat agung perwakilan dan menentukan tindakan-tindakan;
 - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) laporan pengurusan;
 - (iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;
 - (v) permohonan berhenti daripada menjadi anggota;
 - (vi) permohonan pembiayaan Islam dan kemudahan kredit daripada anggota;
 - (vii) permohonan menambah/mengurangkan ansuran pinjaman;
 - (viii) permohonan menambah/mengurangkan caruman syer atau Yuran.
 - (d) membentangkan dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
 - (e) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek Koperasi;
 - (f) mengkaji, membincang dan memutuskan:
 - (i) hal-hal perjawatan;
 - (ii) program latihan pekerja; dan
 - (iii) program pendidikan anggota.
 - (g) melantik jawatankuasa Audit Dalaman dikalangan anggota menurut undang-undang kecil 50; dan
 - (h) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari.

Undi Anggota Lembaga

43. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.
- (2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi tidak diterima.
- (3) Seseorang anggota Lembaga tidak boleh mengundi dalam perkara mengenai dirinya sendiri atau ia ada kepentingan peribadi.

- (4) Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi dalam perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingan dirinya dalam perkara itu.

Buku Minit Mesyuarat

44. (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah:-
 - (a) diminitkan dalam tempoh tujuh hari;
 - (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.
- (2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.
- (3) Minit bagi sesuatu mesyuarat lembaga hendaklah diserahkan :-
 - (a) kepada Suruhanjaya menurut subperenggan 14(1)(c) Akta; dan
 - (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Kuasa dan Kewajipan Lembaga

45. (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur menurut subseksyen 44(1) Akta,
- (2) Bagi melaksanakan tanggungjawab di bawah fasal (1) itu Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:-
 - (a) melantik seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi, seorang setiausaha, seorang bendahari dan lima orang juruaudit dalaman di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 40
 - (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butir-butir berikut:
 - (i) nama,
 - (ii) alamat kediaman,
 - (iii) nombor kad pengenalan,
 - (iv) tarikh keanggotaan
 - (v) pekerjaan; dan
 - (vi) jawatan dalam koperasi

dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung perwakilan tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan tentang butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari berlakunya perubahan tersebut;

- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;
- (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
- (e) melantik:-
 - (i) seorang pegawai yang bergaji tetap atau
 - (ii) sebuah firma bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, dengan syaratkan pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga; jika perlu.
- (f) menyenggara akaun bagi wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi dengan benar dan betul;
- (g) menyenggara akaun bagi aset dan liabiliti Koperasi dengan benar dan betul
- (h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi supaya semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang disenggara, diuruskan dengan sempurna dan dikemaskini;
- (i) membentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan
 - (i) akaun perdagangan;
 - (ii) akaun untung rugi,
 - (iii) apa-apa penyata sebgaimana yan ditentukan oleh Suruhanjaya.
 - (iv) kunci kira-kira.
 - (v) laporan Lembaga menurut subseksyen 59(3) Akta;
 - (vi) laporan jruaudit; dan
 - (vii) pandangan Suruhanjaya tentang akaun dan kunci kira-kira bagi koperasi dan subsidiari, jika ada;
- (j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus Koperasi, jika ada kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (k) mengambil tindakan sewajarnya penyata dan surat arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
- (l) membentang lapaoran Jawatankuasa Audit Dalam dalam Mesyuarat Agung perwakilan tahunan;
- (m) memenuhi jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta menyingkirkan keanggotaan menurut fasal (2) undang-undang kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga; memanggil mesyuarat agung perwakilan dan kawasan menurut undang-undang kecil;
- (n) memanggil mesyuarat agung perwakilan dan kawasan menurut undang-undang kecil;

- (o) membuat perjanjian bagi mendapatkan pinjaman- tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan;
- (p) melantik pekerja, termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang menandungi terma dan syarat perkhidmatan,
- (q) bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
- (r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung perwakilan dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
- (s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung perwakilan;
- (t) melaksanakan projek dan memberipeluang kepada anggota untuk:-
 - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau
 - (ii) menyumbang modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
- (u) memasuki perjanjian bagi Koperasi dan dimeterai dengan mohor koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi atau orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga;
- (v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang di anggotanya;
- (w) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
- (x) membuat aturan-aturan dari semasa ke semasa aktiviti Koperasi dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh harin kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;
- (y) mencadangkan belanjawan termasuk elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan koperasi
- (z) mencadangkan saraan kepada anggota-anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiary Koperasi untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan tahunan koperasi;
- (aa) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
- (bb) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan koperasi dan anggotanya terpelihara; dan
- (cc) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, undang-undang kecil ini dan mesyuarat .

- (3) Lembaga hendaklah mengisytiharkan kepentingannya berkaitan perniagaan koperasi dan tidak mengundi atau terlibat dalam perbicangan mengenai perkara di mana ia mempunyai kepentingan.

Liabiliti anggota Lembaga

46. Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi oleh sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau undang-undang kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agung perwakilannya.

Tugas Pengerusi dan timbalan pengerusi

47. (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
 - (a) menguruskan semua mesyuarat Lembaga;
 - (b) menandatangani minit mesyuarat yang disahkan
 - (c) memperakui cabutan dan salinan dari rekod koperasi menurut Peraturan, bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
- (2) (a) menguruskan semua mesyuarat Lembaga semasa ketiadaan pengerusi;
(b) membantu tugas-tugas pengerusi.

Tugas Setiausaha

48. (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:-
 - (a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung perwakilan, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
 - (b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
 - (c) menyelenggara dengan betul dan mengemaskini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
 - (d) mengurus surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
 - (e) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku-buku Koperasi;
 - (f) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi; dan
 - (g) menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Tugas Bendahari

49. (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) mengendalikan segala urusan perdagangan dan perindustrian Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan-arahan Lembaga;
 - (c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang diterima dalam masa empat puluh lapan jam dari hari bekerja daripada penerimaannya;
 - (d) mengeluarkan resit, menyediakan baucer dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
 - (e) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
 - (f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;
 - (h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan kepada mesyuarat agung perwakilan; dan
 - (i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan anggaran bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- (2) Mana-mana tugas bendahari itu bolehlah diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Jawatankuasa Audit Dalam

50. Menurut subseksyen 42 (1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi empat (4) orang, terdiri dari anggota yang dilantik oleh Lembaga menurut fasal (g) undang-undang kecil 42.

Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalam

51. Tiada seorang layak menjadi atau kekal sebagai Jawatankuasa Audit Dalam, jika ada:-
- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
 - (b) telah dipecat sebagai seorang peawai suatu Koperasi;
 - (c) menjadi anggota Lembaga Koperasi ini; dan
 - (d) kakitangan koperasi

Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalam

52. (1) Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalam ini adalah satu tahun dan perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.
- (2) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

Kuasa dari kewajipan Jawatankuasa Audit Dalam

53. (1) Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa segala rekod perakuan dan rekod lain yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi ini dan subsidiari atau subsidiarinya jika ada, bagi memastikan hal ehwal Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, undang-undang kecil serta keputusan mesyuarat agung perwakilan.
- (2) Jawatankuasa Audit Dalam mempunyai kuasa memanggil mana-mana orang yang dikehendaki supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan
- (3) Jawatankuasa Audit dalam hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:-
- a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
 - (b) memeriksa akaun-akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga (3) bulan;
 - (c) memberitahu Lembaga apa-apa takkeselarasan yang berlaku dalam pengurusan koperasi dengan serta merta; dan mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau undang-undang kecil.
- (4) Jawatankuasa Juruaudit Dalam, tertakluk kepada keputusan Lembaga dibayar elaun yang sewajarnya atas khidmat yang diberikan kepada Koperasi
- (5) Jawatankuasa Juruaudit Dalam hendaklah:-
- (a) bersidang tidak kurang daripada dua kali setahun; dan
 - (b) mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya.

BAHAGIAN VI

ASET DAN WANG KOPERASI

Wang dan kumpulan wang koperasi

54. (1) Wang dan kumpulan wang koperasi boleh mengandungi:-
- (a) fi masuk, syer dan yuran anggota;
 - (b) simpanan khas daripada anggota;
 - (c) pinjaman atau deposit daripada anggota dan bukan anggota;
 - (d) kumpulan Wang Rizab Statutori;
 - (e) Akaun Rizab Modal;
 - (f) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
 - (g) derma dan pemberian tertentu;
 - (h) baki keuntungan terkumpul; dan
 - (i) kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- (2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti yang diperuntukkan dibawah fasal (1) undang-undang kecil 9.

Modal syer

55. (1) Menurut perenggan 50 (b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan RM100.00 (Ringgit Malaysia: seratus ringgit) syer sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga (3) bulan. Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan itu tamat. Tambahan modal syer boleh dibuat bila-bila masa dengan gandaan seratus ringgit sahaja.
- (2) Mana-mana anggota yang gagal melanggan syer seperti dalam fasa (1) hendaklah disingkirkan.

Yuran

56. (1) Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya RM50.00 (Ringgit : lima puluh sahaja) sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.
- (2) Seseorang anggota boleh mengeluarkan tidak lebih enam puluh peratus daripada jumlah yurannya atau RM3,000.00 (Ringgit : tiga ribu sahaja), mana yang kurang bagi maksud;
- (a) perbelanjaan persekolahan anggota atau tanggungannya.
 - (b) membeli rumah atau tanah atau kedua-duanya

- (c) menunaikan haji atau umrah dan acara keagamaan (untuk bukan Islam)
 - (d) kes-kes kecemasan yang mempunyai bukti, dengan syarat anggota tersebut tidak mempunyai tanggungan dalam Koperasi.
- (3) Yuran hanya boleh dikeluarkan dua kali sahaja selama seseorang itu menjadi anggota dan pengeluaran kali kedua hendaklah sekurang-kurangnya sepuluh tahun dari tarikh pengeluaran pertama.

Simpanan khas, deposit atau pinjaman

57. (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya:-
- (a) Simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturan-aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
 - (b) deposit dan pinjaman
 - (c) Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menerima deposit atau pinjaman daripada bukan anggota koperasi.
- (2) Fasal (2) tidak terpakai kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.
- (3) Pada setiap mesyuarat agung perwakilan tahunan, koperasi hendaklah:-
- (i) memberitahu perwakilannya mengenai pinjaman daripada anggota menurut subsekyen 52(3) Akta, dan
 - (ii) menetapkan had maksimum keterhungan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pindahan syer

58. (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang-undang kecil 55 kepada anggota lain dengan menandatangani borong pemindahan syer.
- (2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuatkuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.
- (3) Syer seseorang anggota yang mati boleh dipindahkan kepada penama. Bagi anggota Muslim, pemindahan tersebut hendaklah menurut fasal (1) undang-undang kecil 18
- (4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas kematian anggota itu.

Penyelesaian modal syer

59. (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 58, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu boleh dikeluarkan menurut fasal (2).
- (2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer, dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi ini akan tetapi tidaklah boleh melebihi nilai asalnya.

- (3) Syer yang ditebus di bawah fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

Keuntungan Modal

60. (1) Menurut subseksyen 55 (1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara-perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal:
- (a) penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap; dan
 - (b) penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya
- (2) Keuntungan modal yang disebutkan menurut perenggan (a) fasal (1) boleh , jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:
- (a) penerbitan syer bonus;
 - (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
 - (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
 - (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.
- (3) Syer bonus boleh diterbitkan menurut tatacara di bawah peraturan 25 Peraturan berasaskan kepada jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan yang akaunnya dibentangkan dalam mesyuarat agung perwakilan yang mengisytiharkan syer bonus itu atau, dalam hal penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus semula, sebagaimana pada tarikh penebusan itu, dengan syarat:
- (a) nama anggota yang akan menerima itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
 - (b) semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapus kira;
 - (c) buku-buku dan rekod-rekod Koperasi telah disenggarakan dengan memuaskan menurut pandangan Ketua Pendaftar.
- (4) Syer bonus tidak boleh dikeluarkan tetapi boleh, dengan kelulusan Lembaga, dipindahkan kepada anggota lain atau, dalam hal anggota yang mati selepas syer bonus itu dikeluarkan, dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

61. (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori
- (2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit

- Statutori berdasarkan jadual di bawah:
- (3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhad untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.
 - (4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masabaki dalam kumpulan wang tersebut tidak kurang daripada lima belas (15) peratus daripada jumlah syer dan yuran koperasi berkenaan.

Simpanan Khas

62. Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang dibuat mengikut fasal (4) undang-undang kecil 9.

Pinjaman Luar

63. (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2) dan 52A Akta dan Peraturan, Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, meminjam wang daripada orang yang bukan anggota koperasi.
- (2) Koperasi ini hendaklah memaklumkan kepada anggotanya mengenai pinjaman menurut fasal (1) pada mesyuarat agung perwakilan tahunannya.

Pelaburan Wang

64. (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan
- (2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung perwakilan.

Pemberian Pinjaman oleh Koperasi

65. Menurut subseksyen 51 Akta, Koperasi ini bolehlah memberikan apa-apa pebiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada:-
- (a) anggotanya, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam aturan yang diluluskan oleh mesyuarat agung.
 - (b) pekerjaanya, termasuk ketua pegawai eksekutif tertakluk kepada terma dan syarat guna khidmat mereka; atau
 - (c) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya

Pengagihan Untung Bersih Teraudit

66. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta hendaklah diagihkan tertakluk kepada seksyen 57 Akta seperti berikut:-
- (a) tidak kurang daripada lima belas peratus dibayar kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
 - (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang yang disebutkan di dalam perenggan (a) fasal (1).

- (2) Selepas pengagihan mengikut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, termasuk baki keuntungan yang belum dibahagikan menurut subseksyen 57(5) Akta bolehlah digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:
 - (a) pembayaran potongan kerana langganan;
 - (b) pembayaran dividen, atas syer dan yuran anggota sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan.
 - (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan dan diluluskan oleh Surhanjaya; atau bayaran honorarium kepada anggota Lembaga;
 - (d) pembayaran untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat.
- (3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain dari untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat, kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis dahulu daripada Suruhanjaya yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum, sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.
- (4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara-perkara menurut perenggan (b) fasal (1), (2) dan (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskan sepenuhnya.
- (5) Dengan kelulusan Suruhanjaya,, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskan sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya tidak melebihi lima (5) peratus daripada jumlah syer atau yuran anggota atau kedua-duanya, menurut subseksyen 57 (8) Akta.

Dividend dan Potongan Langgan

67. (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer dan yuran kepunyaan seseorang anggota yang dikira secara pro-rata pada asas bulanan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Hanya anggota yang namanya ada di dalam daftar nama anggota Koperasi dan/atau masih menjadi anggota Koperasi pada tahun kewangan yang berkenaan layak menerima dividen dengan kiraan pro rata.
- (2) Dividen hendaklah dikreditkan ke akaun modal syer anggota sekiranya anggota itu tidak meminta dibayar kepadanya secara tunai dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.
- (3) Potongan langganan boleh diberikan hanya jika langganan seseorang anggota tidak kurang daripada seribu ringgit dalam tahun kewangan yang berkenaan.

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

Tahun Kewangan

68. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember setiap tahun.

Penyenggaraan Akaun

69. (1) Menurut seksyen 58 Akta Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan koperasi dan subsidiarinya jika ada, yang berkaitan dengan:-
- (a) aset tetap, pelaburan dan deposit;
 - (b) syer, yuran serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
 - (c) aktiviti yang dijalankan.
- (2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod-rekod lain seperti di fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari dari selesai sesuatu transaksi menurut subseksyen 58(2) Akta
- (3) Penyediaan akau-akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tidak lewat daripada dua(2) bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.
- (4) Akaun-akaun di fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tidak lewatdaripada enam (6) bulan selepas tamatnya tahun kewangan
- (5) Rekod perakaunan menurut di fasal (1) hendaklah disimpan-
- (a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga menurut subseksyen 58(4); dan
 - (b) selama enam (6) tahun selepas diaudit menurut subperaturan 35(3) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008.
- (6) Rekod-rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.
- (7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagai memastikan rekod tersebut dapat di dalam tempoh yang ditetapkan.
- (8) Suruhanjaya boleh menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes-kes tertentu memerintahkan supaya rekod-rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

- (9) Sesuatu senarai terperinci butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota akaun untuk rugi Koperasi menurut subperaturan 35(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008.

Resit-resit & Baucer

70. (1) Resit-resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang pos yang diterima. Resit-resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh dua orang daripada pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Pelantikan & Kewajipan Juruaudit

71. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya bagi mengaudit akaun koperasi menurut perenggan 60(1)(a) Akta.
- (2) Juruaudit yang dilantik di fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dan mengemukakan satu salinan suratcara pelantikan menurut perenggan 33(1)(b) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 kepada Suruhanjaya menurut subperaturan 33(3) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008.
- (3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

Penyerahan Buku dan Dokumen untuk Diaudit

72. Menurut subperaturan Peraturan, suatu senarai buku dan dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangani sebagai pengakuan penerimaan. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi

Mengemukakan Penyata Kewangan dan Laporan kepada Perwakilan

73. Satu (1) salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap anggota tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung perwakilan tahunan.
- (a) akaun perdagangan;
- (b) akaun untung rugi;
- (c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya menurut subseksyen 59(2) Akta; dan
- (e) laporan juruaudit; dan
- (f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Akaun Bank

74. Akaun bank bagi Koperasi ini hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengerusi, setiausaha kehormat, bendahari kehormat atau pegawai yang diberikan kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Mohor Koperasi

75. (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha kehormat dan bendahari kehormat atau pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.
- (2) Dokumen yang diperbuatkan atas nama Koperasi sama ada dimeteraikan atau tidak dan ditandatangani dengan sahnya oleh pengerusi, setiausaha kehormat dan bendahari kehormat atau pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran Alamat

76. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyediaan Dokumen untuk Diperiksa

77. Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi:
- (a) satu salinan Akta dan peraturan-peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
 - (b) satu salinan undang-undang kecil dan aturan-aturan aktiviti; akaun teraudit yang terakhir; dan
 - (c) satu senarai anggota
 - (d) Satu senarai anggota Lembaga dan juruaudit dalaman;
 - (e) Nama ketua pegawai eksekutif, jika ada; dan
 - (f) Suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

Penyerahan Tugas

78. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas (14) hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan oleh Seseorang yang Dilantik Mewakili Koperasi

79. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi ini di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi samada di dalam atau di luar negeri menurut peraturan 44 Peraturan-Peraturan Koperasi 2008, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi ini.
- (2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

Perlantikan Yang Dipertua

80. Lembaga bolehlah melantik seorang kenamaan sebagai Yang Dipertua kepada Koperasi. Dia hanya bertindak sebagai penaung dan boleh menghadiri mana-mana mesyuarat yang diadakan oleh Koperasi tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

Perlantikan

81. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta yang menyentuh hal penubuhan, undang-undang kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung kawasan dan mesyuarat agung perwakilan, pengurusan atau perniagaan Koperasi ini hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut peraturan 37 Peraturan-Peraturan Koperasi 2008.
- (2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujuk pertikaianya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.
- (3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta, hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung perwakilan Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pemeliharaan Kerahsiaan

82. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

Pembubaran

83. Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Ketua Pendaftar.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

84. (1) Undang-undang Kecil ini adalah dibuat mengikut peraturan 5 Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada undang-undang kecil tidak boleh melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan-aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan.
- (2) Apa-apa urusan Koperasi ini hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan undang-undang kecil ini serta aturan akitviti yang hendaklah dibaca bersekali.

Undang-undang Kecil Hendaklah Mengikut Anggota

85. Menurut seksyen 17 Akta, undang-undang kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggota-anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah undang-undang kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi wad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.

Diakui undang-undang kecil ini telah dibentangkan, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 13 bertarikh 18 dan 19 Ogos 2008.